



ADVISORY NOTE NO. 3/2020

PANDUAN PELAKSANAAN PROSES PENILAIAN APEL (A) OLEH PUSAT PENILAIAN APEL (PPA) AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (*MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA*) SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

PENDAHULUAN

1. Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sehingga 03 Mei 2020 serta Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 04 Mei 2020 sehingga 09 Jun 2020, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) menyarankan **tindakan sementara** secara bersesuaian bagi membolehkan calon-calon melengkapkan proses penilaian APEL (A) yang dikendalikan oleh Pusat Penilaian APEL (PPA). Penyambungan semula proses ini penting bagi membolehkan calon-calon yang berjaya melepasi penilaian APEL (A) melanjutkan pengajian ke program pengajian tinggi yang bersesuaian mengikut semester pengajian IPT.
2. Sehubungan itu, panduan ini disediakan mengambil kira tiga (3) bentuk dan format penilaian APEL (A) yang ditetapkan dalam Garis Panduan Amalan Baik APEL MQA yang merangkumi - ujian aptitud dan penilaian portfolio untuk semua peringkat APEL (A) serta temu duga bagi peringkat sarjana (T7) sahaja.
3. Panduan ini **perlu dibaca bersama** dengan arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa terutamanya berkaitan aktiviti di pusat dan premis pengajian tinggi.

PANDUAN AM

4. **Tindakan sementara** yang diambil oleh PPA adalah di bawah tanggungjawab Pengurusan Badan Akademik Tertinggi di PPT terhadap keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar (semasa dan pasca krisis serta mengikut arahan yang dikeluarkan oleh MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi dari semasa ke semasa) berdasarkan kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada.
5. PPA hendaklah memastikan sebarang pindaan dan penyelarasan proses/prosedur penilaian APEL (A) yang akan diterangkan dalam bahagian yang

selanjutnya direkod untuk tujuan semakan dan pemantauan kualiti oleh Pusat Kualiti Dalaman PPT dan MQA pada masa akan datang. Penambahbaikan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan kembali kepada pelaksanaan asal setelah keadaan pulih.

6. PPA bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti penilaian APEL (A) yang dirancang adalah selari dengan objektif serta ketetapan dalam Garis Panduan Amalan Baik APEL (A) dan lain-lain dokumen panduan yang berkaitan dengan berlandaskan elemen *integrity*, *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam penilaian.
7. PPA perlu memastikan bahawa calon tidak akan menghadapi sebarang cabaran dari segi perkakasan (devices) atau talian internet untuk mengambil penilaiannya secara dalam talian.

UJIAN APTITUD

8. PPA dibenarkan untuk mengubah suai kaedah pengendalian ujian aptitud yang melibatkan kehadiran secara fizikal ke premis PPA kepada kaedah pengambilan ujian aptitud secara atas talian sepenuhnya dalam tempoh PKPB dan pasca PKPB.
9. PPA bertanggungjawab menyelaraskan semua kaedah pentaksiran yang dikendalikan dan wajib merekodkan semua kaedah pentaksiran alternatif/baharu yang dilaksanakan bagi keperluan penilaian akreditasi/ audit kelak.
10. PPA dibenarkan untuk membangunkan soalan ujian aptitud dalam bentuk soalan aneka pilihan mahupun soalan berbentuk terbuka dengan panduan seperti berikut:
 - (i) Soalan yang dibina mematuhi aras kesukaran yang bersesuaian dengan tahap penilaian atau berdasarkan soalan peperiksaan yang diambil dari set soalan yang telah melalui proses *vetting* oleh Ahli Panel Penilai APEL MQA.
 - (ii) Set soalan perlu disusun secara rawak dan setiap calon akan mendapat set soalan yang berbeza.
 - (iii) Tarikh dan masa soalan ujian dalam talian yang diberikan kepada calon perlu dikawal oleh PPA yang mana calon tidak dibenarkan mencapai platform ujian sebelum dan selepas ujian dijalankan dalam talian.
 - (iv) PPA perlu memastikan ketersediaan infrastruktur dan kemudahan internet di antara semua pihak terlibat. Penggunaan aplikasi seperti *Zoom*, *Cisco Webex*, *Microsoft Team*, *Google Hangouts*, *Streamyard* dan lain-lain

sangat digalakkan bagi memantau secara langsung calon menggunakan **webcam** sepanjang ujian berlangsung untuk menjaga integriti dan kredibiliti penilaian.

11. Sekiranya bersesuaian, PPA boleh mempertimbangkan untuk mengadakan ujian aptitud dalam bentuk ujian *remote* seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, *problem-based-assessment* dan sebagainya. Kesemua bentuk penilaian ini memerlukan penggubalan soalan dengan teliti dan menitikberatkan *critical thinking* dan *problem solving* serta tahap Taksonomi yang lebih tinggi daripada kelaziman soalan aneka pilihan. Rubrik dan Jadual Spesifikasi Ujian perlu disediakan secara bersesuaian.
12. Calon dikehendaki menanda tangani “Deklarasi Integriti Pelajar” bagi menangani isu plagiat dan penipuan. Bagi ujian secara *remote*, pengesahan kerja calon juga hendaklah dilaksanakan oleh PPA sama ada melalui temu bual ringkas secara maya, semakan dalam perisian *turnitin* dan lain-lain kaedah yang bersesuaian.
13. Peruntukan masa tambahan yang bersesuaian boleh diberikan kepada calon untuk menduduki ujian aptitud mengikut budicara PPT sekiranya terdapat gangguan talian internet semasa penilaian dilaksanakan. Tempoh masa ujian aptitud hendaklah tidak kurang dari tempoh biasa yang ditetapkan.
14. Semua pentaksiran dan semakan skrip jawapan perlu dibuat dalam talian dengan sistem yang sesuai untuk merekod maklumbalas penilai dan rekod markah calon.

PENYEDIAAN PORTFOLIO

15. PPA boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan proses penghantaran dan penerimaan dokumen portfolio termasuk dokumen sokongan yang telah disahkan dalam bentuk salinan *softcopy* secara dalam talian bagi mengurangkan aktiviti penghantaran dokumen melalui serahan tangan atau pos oleh calon untuk menangani risiko penularan COVID.
16. Segala semakan dan pentaksiran portfolio perlu dijalankan dalam talian.
17. PPA perlu mempunyai sistem rekod yang bersesuaian bagi memastikan sistem penyimpanan dan carian dokumen portfolio calon yang lancar dan berkesan.

SESI TEMU DUGA [untuk penilaian APEL(A) T7]

18. PPA dibenarkan untuk menjalankan sesi temu duga calon APEL(A) melalui aplikasi interaksi maya seperti *Cisco Webex*, *Zoom*, *Microsoft Teams*, *Google Meet*, *Streamyard* dan sebagainya yang memaparkan wajah calon APEL(A) dan

Panel Penilai bagi menggantikan pertemuan secara fizikal. Verifikasi identiti calon perlu dibuat oleh PPA atau penilai semasa temu duga ini dilaksanakan.

19. PPA hendaklah memastikan hanya calon yang melepasi saringan ujian aptitud dan portfolio sahaja yang dibenarkan untuk meneruskan penilaian sesi temu duga.
20. PPA juga perlu memastikan ketersediaan dokumentasi temu duga yang lengkap dan ketersediaan kemudahan internet bagi PPA dan calon APEL (A) untuk kelancaran sesi temu duga. Sesi temu duga menerusi telefon hanya dibenarkan sekiranya sambungan internet gagal untuk diteruskan semasa sesi temu duga sedang berlangsung.

PANDUAN KEPADA CALON

21. PPA hendaklah menggubal dan mengeluarkan panduan yang jelas dan mencukupi berkaitan kaedah baharu pelaksanaan penilaian APEL (A) untuk semua calon dan kakitangan yang terlibat dalam pengendalian ujian.

SIJIL APEL

22. Proses percetakan Sijil APEL (A) bagi calon yang telah berjaya di dalam penilaian APEL (A) adalah mengikut proses sedia ada MQA. MQA ingin tegaskan bahawa Sijil APEL (A) hanya akan dikeluarkan untuk calon yang tidak akan mengikuti pengajian di PPA di mana beliau dinilai.
23. Sijil APEL (A) akan diimbas dan diemelkan kepada calon yang berjaya manakala sijil sebenar akan dihantar melalui perkhidmatan pos. Calon boleh menggunakan salinan imbasan untuk memohon menyambung pengajian tertakluk kepada penerimaan PPT berkenaan.

PERTANYAAN

24. Sekiranya PPA mempunyai sebarang kemusykilan, sila kemukakan pertanyaan kepada apeladmin@mqa.gov.my.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

29 MEI 2020